


1 - 15 MAC, 2024

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com buletinmutiara | ChowKonYeow chowkonyeow @ChowKonYeow

# Hari Bumi

## Sasar tanam 1 juta pokok

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Sebanyak satu juta batang pokok disasarkan untuk ditanam secara serentak di seluruh negeri Pulau Pinang dalam tempoh masa sehari sempena sambutan Hari Bumi pada 22 April ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa penganjuran program tersebut adalah bertujuan memelihara dan memulihara biodiversiti, di samping memitigasikan impak daripada perubahan iklim selari dengan usaha dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Saya yakin, dengan penglibatan komuniti, sektor kerajaan, badan korporat dan sukarelawan, program ini dapat mewujudkan sinergi penjagaan alam sekitar yang berkekalan dalam kalangan masyarakat.

"Tidak dinafikan bahawa usaha ini juga adalah selaras dengan pematuhan kepada kehendak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 11) demi masa depan negara yang lebih lestari," ucapnya pada Majlis Pelancaran Program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Sempena Hari Bumi dekat Anjung Seri Mutiara di sini 22 Januari lalu.

Majlis pelancaran program tersebut disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak dan isteri, Toh Puan Khadijah Mohd. Nor.

Hadir sama, Timbalan Speaker, Dato' Azrul Mahathir Aziz; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Zabidah Safar serta barisan ahli Exco Kerajaan Negeri.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Amal



**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak (tiga dari kiri) dan isteri menyempurnakan gimik Pelancaran Program Penanaman Satu Juta Pokok Dalam Sehari Sempena Hari Bumi dekat Anjung Seri Mutiara di sini baru-baru ini.**

TYT Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Sr. Rozali Mohamud juga turut hadir.

Kon Yeow memberitahu bahawa beliau optimis program penanaman sejuta pokok itu bakal menempah kejayaan sekali gus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang berjaya menanam satu juta pokok dalam masa satu hari.

"Harus saya akui, pogram menanam satu juta pokok daripada pelbagai spesies dalam masa satu hari ini adalah langkah berani kerana kunci kejayaan kepada program ini memerlukan penglibatan daripada semua pihak untuk mencapai hasil yang menakjubkan.

"Sebagai pemimpin, saya sedar bahawa dalam usaha mewarisi sebuah negara kepada generasi muda tidak hanya terhad kepada usaha-usaha menstabilkan ekonomi, sosial dan politik semata-mata, sebaliknya yang paling penting adalah mewariskan kepada mereka dunia yang berdaya huni dengan persekitaran yang sihat, seimbang serta mampan," katanya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa sehingga kini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya mencapai sasaran penanaman 500,000 batang pokok sebagai usaha untuk mengurangkan impak peningkatan suhu menjelang tahun 2030.

*(Sambungan di muka 2).*

# Penjawat awam dituntut lebih telus

Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** – Semua penjawat awam negeri Pulau Pinang dituntut supaya bersikap lebih adil, telus dan efisien dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa hanya menerusi etika dan sifat tanggungjawab yang tinggi akan membolehkan agenda negeri serta negara dapat dilaksanakan secara efektif.

"Saya faham, bukan mudah untuk kita semua menjadi penjawat awam kerana kita akan sentiasa dipantau, diperhatikan dan diadili oleh rakyat atas kebolehan kita melaksanakan tugas serta amanah.

"Namun, perkara ini perlu kita lihat secara positif agar setiap tugasan yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksana dengan penuh kesungguhan serta keikhlasan demi kesejahteraan negeri ini.

"Mari kita bersama-sama menjadikan tahun 2024 sebagai tahun kejayaan kerana saya yakin dengan semangat kesetiaan dan keperibadian yang ditunjukkan hari ini, kita dapat membawa negeri Pulau Pinang ke arah yang lebih cemerlang," katanya semasa berucap pada Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2024 dekat Komtar di sini 9 Januari lalu.




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri sesuai Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2024 di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen; ex-officio serta ketua-ketua jabatan Negeri dan Persekutuan.

Pada majlis itu, Kon Yeow mengetuai semua penjawat awam negeri melafazkan Ikrar Bebas Rasuah Malaysia (IBR) yang merangkumi syarat 10 langkah integriti sebagai komitmen memerangi rasuah dalam urusan pentadbiran Kerajaan Negeri.

Antara 10 langkah integriti tersebut termasuklah mengamalkan prinsip kecekapan, akauntabiliti, dan ketelusan (CAT), mengamalkan tender terbuka yang berdaya saing, anggota pentadbiran dilarang mendapatkan kelulusan tanah negeri, keluarga mereka tidak boleh melakukan perniagaan atau mendapatkan kontrak dari kerajaan negeri dan tidak dibenarkan menerima "*donation*" peribadi.

Selain itu, perlindungan penuh kepada pemberi maklumat, peruntukan undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap pemimpin kerajaan yang hidup di luar kemampuan dan ketelusan dalam sumbangan politik turut terangkum dalam ikrar tersebut.

Dalam majlis itu juga, Kon Yeow turut menyampaikan Insentif Penghargaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023 kepada jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang memperoleh pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada sidang media selepas itu, Rosli menyatakan bahawa tidak ada mana-mana penjawat awam negeri yang disabitkan dengan kesalahan rasuah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2023.

"Berdasarkan rekod, di negeri Pulau Pinang tidak ada kes yang melibatkan kakitangan awam Kerajaan Negeri yang terlibat dengan kesalahan rasuah dan ini merupakan satu pencapaian yang baik.

"Tuduhan itu memang ada, tetapi tidak ada (penjawat awam) yang disabitkan kesalahan rasuah atau diambil tindakan tatatertib setakat ini," ujarnya.

Walau bagaimanapun, beliau menyeru kepada semua penjawat awam di negeri negeri ini agar bekerja dengan lebih kuat, telus dan ikhlas tanpa melakukan sebarang penyelewengan serta salah guna kuasa.

"Itu sebahagian daripada janji kita kepada Kerajaan Negeri, rakyat Pulau Pinang dan ketua negara," katanya sambil menambah bahawa Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) baru-baru ini juga menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan antara negeri yang mencatatkan prestasi terbaik.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Lindungi ekosistem, bawa kehijauan

"Selain itu, sebuah kajian sedang dijalankan untuk menentukan sasaran baharu, dan sudah tentu program penanaman satu juta pokok ini secara tidak langsung menjadi salah satu usaha pemulihan ekosistem di negeri ini," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Ahmad Fuzi kerana telah mencetuskan idea tersebut.

Sementara itu, Rozali berkata bahawa sejuta pokok yang ditanam melalui program tersebut berupaya menyerap 40,000 tan karbon dioksida setahun berdasarkan kiraan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC).

"Justeru, manfaat yang akan dicapai daripada program ini adalah dapat melindungi dan mengembalikan ekosistem semula jadi, membawa kehijauan kepada komuniti, kelestarian alam sekitar, sosial dan ekonomi.

"Malah, hasil daripada pokok yang ditanam akan disumbangkan kepada komuniti serta badan-badan kebajikan yang dapat meningkatkan tahap sara diri serta keterjaminan makanan," ulasnya lanjut.

Pada majlis itu, Ahmad Fuzi bersama-sama Kon Yeow dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri turut menanam pokok di sekitar Anjung Seri Mutiara sebagai simbolik kepada pelancaran program tersebut.

Difahamkan, daripada lebih sejuta pokok yang akan ditanam, sebanyak 250,000 pokok akan dibekalkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang; MBPP (150,000); MBSP (150,000); Tenaga Nasional Berhad (50,000); Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (35,000); Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (19,000) serta lima Pejabat Daerah yang mana masing-masing akan menyumbangkan 100,000 batang pokok.

Selain itu, pokok juga disediakan sendiri oleh para peserta yang terdiri daripada orang perseorangan, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, syarikat korporat dan lain-lain.

Antara pokok yang akan ditanam termasuklah spesies buah-buahan tempatan, herba, bunga, tumbuhan landskap serta pokok paya bakau yang mana pokok-pokok berkaitan akan ditanam di kawasan mengikut ketetapan para peserta.



# FASA 1 *GURNEY BAY* kini dibuka



SALAH satu elemen di *Gurney Bay.*

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerja-kerja tanah untuk Fasa 1 projek *Gurney Bay* telah siap sepenuhnya dan kini dibuka kepada sekalian pengunjung tempatan dan pengembara antarabangsa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian kepada pemberita seusai mengiringi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak meninjau tahap pemajuan Fasa 1 dan Fasa 2 *Gurney Bay* di sini pada 4 Februari 2024.

"Saya begitu gembira menyaksikan tahap kemajuan projek *Gurney Bay* yang mana ia diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

"Saya berharap sekalian rakyat dapat menerima projek Kerajaan Negeri ini serta memanfaatkan segala kemudahan bersama seisi keluarga mereka," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

Pada 25 September 2020, Lembaga Perolehan Negeri meluluskan pelantikan perundingan projek, yang mana Teto Engineering Sdn. Bhd. dilantik sebagai kontraktor utama pada 22 Mac 2022.

Tun Ahmad Fuzi dengan diiringi Kon Yeow dan barisan pemimpin Kerajaan Negeri yang lain telah menyempurnakan majlis pecah tanah projek tersebut pada 14 Mei 2022.

Projek pembangunan bercampur tersebut melibatkan tanah seluas 101.8 ekar, tidak termasuk dua kawasan berair.

Seluas 27.7 ekar, Fasa 1 *Gurney Bay* menyediakan pelbagai kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, ruang bermain papan luncur, anjung pemandangan selatan, tandas awam, persiaran pejalan kaki, gerai penjaja, kiosk, 64 lot parkir terbuka (dan 62 parkir motosikal) serta rizab kawasan penambakan.

Sementara di Fasa 2 di sini pula, seluas 74.10 ekar, yang mana merangkumi pelbagai kemudahan awam seperti pusat penjaja, parkir bertingkat (736 lot), anjung pemandangan utara, tempat letak kereta terbuka, taman air, pantai buatan, laluan pejalan kaki tepi pantai, kawasan rizab kerajaan dan sebagainya.



KAWASAN pesisir pantai bermula dari Persiaran Gurney sehingga projek pemajuan *Gurney Bay* yang sedang dibangunkan.

Kedua-dua fasa projek tersebut bernilai kira-kira RM247.8 juta.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menyatakan bahawa pada ketika ini, tahap kemajuan Fasa 2 *Gurney Bay* adalah kira-kira 40 peratus dengan jangkaan siap pada pertengahan tahun 2025.

"Kita akan mempertimbangkan untuk menambah lebih banyak tempat letak kereta dalam Fasa 1 sebaik sahaja kedua-dua fasa selesai," ujarnya lanjut.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa 4,541 batang pokok teduh akan ditanam dalam kedua-dua fasa kemajuan *Gurney Bay* tersebut.

Melibatkan kawasan seluas 4,815 meter persegi di Fasa 1 *Gurney Bay*, setakat ini sejumlah 1,500 pokok teduh dan 10,000 pokok renek telah ditanam menjadikan ia landskap yang menarik buat pengunjung.

Di Fasa 2 *Gurney Bay* dengan keluasan 16,130 meter persegi pula, kelak akan ditanam 3,041 pokok teduh di samping ribuan pokok renek.

Pada Fasa 2 projek itu nanti, turut diwujudkan pelbagai kemudahan lain antaranya 12 lot parkir bas; parkir motosikal (176 petak); makanan dan minuman (134 gerai) serta serbaneka (17 gerai), enam kiosk, surau dan tandas awam juga.

Selain Tun Ahmad Fuzi dan Kon Yeow, turut serta ialah mantan Ketua Menteri yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri II, Jagdeep Singh Deo; Exco Kerajaan Tempatan dan Perancang Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ir. A. Rajendran dan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi.



RAKAMAN gambar *drone Gurney Bay.*

# *Linear Garden* tingkat kehijauan reruang awam

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Projek menaik taraf *Linear Garden* dekat Padang Kota Lama yang bermula pada Mei 2023 kini telah siap sepenuhnya dan mula dibuka kepada orang awam.

Menelan kos sebanyak RM1.5 juta, *Linear Garden* kini kelihatan lebih hijau dengan dihiasi 60 spesies tumbuhan dan pokok tempatan dan lambang gangsa baharu *(emblem)* serta kawasan taman yang lebih luas serta selesa.

Malah, pagar yang mengelilingi Tugu Cenotaph atau juga dikenali sebagai Memorial Perang Pulau Pinang turut dialih bagi membolehkan orang ramai menghayati monumen itu secara lebih dekat.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa projek berkaitan adalah salah satu daripada 14 projek di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara bernilai RM140 juta.

Menurut beliau, pelan induk tersebut dibangunkan oleh *George Town Conservation and Development Corporation* (GTCDC) iaitu sebuah gabungan kerjasama di antara Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC).

"Projek *Linear Garden* dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang mana Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif menyalurkan peruntukan RM1.5 juta melalui Bajet Pembangunan Negeri bagi projek ini.

"Pelaksanaan projek ini sekali gus dapat meneruskan jalinan fizikal dan sosial melalui penambahbaikan reruang awam dan kawasan hijau serta kebolehcapaian kawasan Pesisir Pantai Utara sebagai pusat integrasi sivik dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.


PEMANDANGAN *Linear Garden* yang lebih luas dan hijau.



DEWAN Sri Pinang yang bakal dinaik taraf.

"Selain itu, lambang gangsa yang lazimnya ditemui di kebanyakan Tapak Warisan Dunia UNESCO di seluruh dunia telah dihasilkan sebagai salah satu komponen istimewa di *Linear Garden*," katanya ketika merasmikan pembukaan *Linear Garden* dekat Padang Kota Lama di sini pada 29 Januari 2023.

Menurut Kon Yeow, satu lagi projek di bawah Pelan Induk Pesisir Pantai Utara yang turut dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah pemulihan *Fort Cornwallis* yang dijadualkan siap pada 2025.

"Setelah siap kelak, *Fort Cornwallis* akan menarik ramai pengunjung ke Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town," ulasnya.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa bangunan ikonik, Dewan Sri Pinang yang dibina pada tahun 1972 juga akan dinaik taraf dengan anggaran kos melebihi RM50 juta.

"Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Pulau Pinang juga telah membuat keputusan untuk menjemput Think City dan GTCDC untuk membentangkan hasil kerja yang dilakukan sebelum ini serta maklum balas orang ramai.

"Justeru, kita berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat membantu Kerajaan Negeri dalam perkara ini," ujarnya.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dan MBPP telah berusaha untuk melaksanakan program hijau seperti menaik taraf reruang awam.

"Sejak 2010 hingga 2023, MBPP telah menaik taraf 23.62 hektar reruang awam di negeri ini dengan kos RM10.215 juta.

"Pada 2024, MBPP bersedia untuk menambah baik 10 taman kejiranan dengan memperuntukkan sejumlah RM6.5 juta bagi tujuan riadah dan rekreasi awam.

"Kerajaan Negeri dan MBPP akan meneruskan usaha untuk mewujudkan taman tambahan sebagai 'paru-paru hijau', sejajar dengan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara,'' jelasnya.

# Serlahkan potensi Sungai Acheh


RASHIDI Zinol ketika menelusuri kawasan laut dan Sungai Kerian di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SUNGAI ACHEH –** Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh mempunyai potensi yang mampu diserlahkan lagi baik daripada sektor ekonomi, industri ekopelancongan mahupun lain-lain.

Exco Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar, Rashidi Zinol berkata bahawa pihaknya berharap dengan sokongan dana daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, ia mampu menyerlahkan lagi potensi yang terdapat di Sungai Acheh menerusi pelbagai bentuk pembangunan.

"Justeru, hari ini saya membawa wakil-wakil jabatan berkaitan seperti Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) Pulau Pinang, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhilitan, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan lain-lain terlibat bagi menunjukkan potensi-potensi yang terdapat di Sungai Acheh ini.


TURUT menjadi lokasi tumpuan pelbagai spesies burung.

"Salah satu contoh adalah kita hendak wujudkan jeti terapung di Jeti Haji Ibrahim Sungai Acheh supaya ia memberi nilai tambah di samping mewujudkan kemudahan kepada peniaga-peniaga berhampiran jeti agar ia lebih selesa serta mampu menarik pengunjung ke sini," ujarnya ketika menelusuri kawasan laut dan Sungai Kerian dekat Sungai Acheh di sini 26 Januari lalu.

Rashidi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh turut menzahirkan hasrat memperluaskan kawasan riadah setempat.

"Usaha ini perlu dilakukan dengan berhati-hati ekoran ia berada hampir dengan kawasan hutan yang digazetkan.

"Malah, selain kawasan riadah, Sungai Acheh juga dilihat sebagai lokasi strategik pelaksanaan kelong ikan, habitat udang sungai, habitat burung, potensi ekonomi melibatkan hidupan laut dan lain-lain,'' ujarnya.

# MPKK Simpang Empat
## perintis projek pintar pertanian bandar

Oleh : **NURASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT**

**MAJLIS** Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Simpang Empat bersama-sama Universiti Sains Malaysia (USM) dan Bayan Greentech Sdn. Bhd. telah melaksanakan Projek Intervensi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG5) iaitu Peningkatan Kemahiran dan Kemahiran Semula Wanita dalam Pertanian ICT baru-baru ini.

Matlamat projek kolaborasi tiga pihak itu antara lain adalah bagi mendedahkan cara pertanian bandar dengan menggunakan kaedah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Mengulas lanjut, Pengerusi MPKK Simpang Empat, **IDZHAM AHMAD** berkata bahawa projek tersebut akan mendedahkan kaedah pemantauan penanaman yang kini hanya di hujung jari.

"Projek ini telah mendapat dana daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dengan kerjasama Greentech Sdn. Bhd..

"Sebagai makluman, projek berkenaan bukan hanya memfokuskan untuk penjanaan keuntungan, malah juga sebagai aktiviti riadah untuk 25 golongan wanita yang terdiri daripada komuniti sekitar kawasan Simpang Empat ini.

"MPKK Simpang Empat merupakan MPKK yang pertama menjalani projek ini, dan diharapkan usaha ini boleh dijadikan sebagai perintis untuk MPKK lain dari serata negeri.

"Di samping itu, diharapkan juga Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi dapat menyokong dari segi bantuan lokasi geografik bersesuaian dan sebagainya," jelasnya lanjut kepada Buletin Mutiara pada sesi wawancara khas pada 27 Januari lalu.

Sementara itu, Pensyarah USM, **PROF. DR. SR. RUHIZAL ROOSLI** turut berkongsi rekod kejayaan projek berkaitan yang telah berjaya dilaksanakan untuk kali ketiga.

"Tidak semua MPKK dapat melaksanakan projek ini, justeru MPKK Simpang Empat yang pertama menjayakan projek ini membuatkan saya lebih yakin untuk memperluaskannya dek kini terbukti pertanian bandar ini boleh diaplikasikan.

"Tanpa komuniti yang bersemangat dan bersungguh-sungguh, mungkin projek ini akan terbengkalai setelah ia berjaya dilaksanakan untuk kali pertama, tetapi lain pula bagi komuniti (Simpang Empat) yang sangat komited.

"Sudah tentu dana diperlukan untuk kesinambungan projek seterusnya, seperti sedia maklum MPKK juga mempunyai dana yang agak terhad untuk pengurusan komuniti, diharapkan Kerajaan Negeri mampu mengintegrasikan projek berkenaan ke kawasan kampung yang lain juga.



ROZIAH Harun (kiri sekali) dan Hafsah Abdul Rahman (dua dari kiri) bersama-sama peserta Projek Intervensi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG5) menunjukkan hasil tanaman salad yang telah dituai.

"Di samping itu, projek ini juga dilihat mampu didedahkan lagi kepada golongan lebih muda, sebagai contoh apabila peserta yang terlibat membawa anak-anak, secara tidak langsung mereka akan mempelajari mengenai keterjaminan makanan sambil beriadah," tambahnya.


IDZHAM Ahmad (kiri) meneliti hasil tanaman yang sedia dituai.


JIMMY Ong Chin Keng.

Dalam pada itu, Setiausaha Persatuan Kebajikan 88 Kapten Pulau Pinang *(88 Captains)*, **DATO' JIMMY ONG CHIN KENG** turut memuji usaha yang diketengahkan komuniti tersebut dalam menjaga keterjaminan makanan.

"Kaedah pertanian bandar yang dilakukan komuniti pada hari ini membawa beberapa manfaat yang baik, salah satunya adalah daripada segi keterjaminan makanan.

"Bukan itu sahaja, bagi yang tinggal di rumah pangsapuri juga boleh menggunakan kaedah ini kerana ia sangat fleksibel dan mudah.

"Tanaman juga tidak mengandungi bahan kimia kerana menggunakan baja organik jadi tanaman yang komuniti usahakan ini adalah selamat dimakan begitu sahaja," ulasnya lanjut.


PROF. Dr. Sr. Ruhizal Roosli.

Salah seorang peserta, **HAFSAH ABDUL RAHMAN**, 52, yang ditemui menyatakan bahawa beliau telah menyertai projek berkaitan sebanyak tiga kali.

"Penuaian kini telah masuk kali ketiga, kali pertama kami (peserta) menanam sayur salad, setelah berjaya, kami cuba pula tanam sayur *pak choy*, dan pada kali ketiga ini, kami tanam semula sayur salad bagi memperbaiki lagi kekurangan yang terdapat pada kali pertama.

"Kaedah penjagaan tanaman juga tidak sukar kerana peserta hanya perlu pergi menjenguk dua kali sehari ikut waktu kelapangan, tenaga juga tidak digunakan begitu banyak malah kami lebih seronok bercucuk tanam beramai-ramai," katanya.

Bagi Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), **ROZIAH HARUN**, 40, yang juga salah seorang peserta memberitahu bahawa cabaran semasa melaksanakan projek berkenaan iaitu keadaan cuaca yang tidak menentu yang mana kadang-kadang cuaca terlalu panas terik dan juga hujan lebat.


PROJEK tanamam yang berjaya dihasilkan.

# Waris Hawari terima penganugerahan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TASEK GELUGOR –** Waris kepada Muhammad Hawari Hashim yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) pertama negara ke Misi Everest 2023 (ME2023) menerima anugerah sebuah rumah daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak hadir menyempurnakan penyerahan kunci rumah kepada isteri Muhammad Hawari, Safiyyah Tang Xie Li dalam majlis ringkas yang diadakan di sini pada 19 Januari 2024.

Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo semasa berucap pada majlis berkenaan berkata bahawa rumah tersebut adalah dianugerahkan menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) dengan kerjasama pihak-pihak terlibat bagi meringankan beban waris Muhammad Hawari.

"LPNPP telah membentangkan hasrat untuk menganugerahkan sebuah rumah sebagai CSR kepada waris Muhammad Hawari dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LPNPP pada 10 Oktober tahun lepas.

"Malah, perkara ini juga telah dipersetujui pada peringkat Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 November 2023 dan disahkan pada 15 November 2023," katanya semasa berucap pada majlis berkaitan.




**Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak (dua dari kiri) menyerahkan replika kunci rumah kepada keluarga Muhammad Hawari Hashim pada majlis khas yang diadakan di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Azhar Arshad; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Zulkifli Rashid; Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Mohd. Asri Shafie; Pegawai Daerah Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Seberang Perai Utara, Rosmin Yaakob; Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP), Haryany Mohamad serta ahli keluarga Muhammad Hawari.

Mengulas lanjut, Sundarajoo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai menyatakan bahawa LPNPP sentiasa mendukung usaha dalam merumahkan rakyat di negeri ini sejajar dengan moto "Satu Keluarga, Satu Rumah".

"LPNPP begitu komited dalam memastikan setiap keluarga di negeri Pulau Pinang dapat memiliki rumah sendiri mengikut kemampuan masing-masing.

"Justeru, kerjasama strategik buat julung kalinya di antara LPNPP, LMNPP serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung ini adalah sebahagian daripada usaha LPNPP untuk menjayakan hasrat tersebut," ujarnya.

Difahamkan, rumah yang ditawarkan kepada waris Muhamamd Hawari adalah rumah jenis teres setingkat yang berharga RM80,000 dengan keluasan lantai 660 kaki persegi dan keluasan tanah (1,100 kaki persegi).

Pada Mei tahun lepas, Muhammad Hawari yang juga kakitangan LMNPP menyertai misi ke Everest dan telah diisytiharkan berjaya sampai ke puncak pada 19 Mei 2023.

Beliau kemudiannya dilaporkan hilang sejurus turun ke Kem 4 iaitu pada paras 8,000 meter dari aras laut pada hari yang sama.

Muhammad Hawari telah meninggalkan seorang ibu, isteri serta dua orang anak yang berusia empat dan dua tahun.

## Hawari tetap dirindui

**WALAUPUN** reda dengan kehilangan Muhammad Hawari Hashim hampir setahun yang lalu, namun ahli keluarga terutama ibu, Che Tom Hassan dan isterinya, Saffiyah Tang Xie Lie tetap menyimpan perasaan rindu yang menggunung terhadap susuk tubuh itu.

Bersempena hari lahir Muhammad Hawari yang ke-34 pada 27 Januari 2024, Buletin Mutiara mengambil peluang menghubungi ahli keluarga Muhammad Hawari untuk mengetahui mengenai keadaan mereka ketika ini.

Adik Muhammad Hawari, Nur Atiqah Hashim ketika dihubungi berkata, tidak ada sehari pun hari-hari yang mereka lalui tanpa mengingati abangnya itu, apatah lagi pada hari istimewa seperti hari kelahirannya.

Menurut beliau, keadaan kini terasa amat berbeza memandangkan Muhammad Hawari merupakan seorang yang sangat periang dan suka membuat lawak jenaka.

"Memang keadaan terasa lain selepas kami kehilangan abang sejak Mei tahun lepas, tambahan pula hari ini (27 Januari 2024) merupakan hari lahir abang.

"Kebiasaannya pada hari ini, kami semua akan mengucapkan selamat hari lahir dan dia akan membalas dengan gurau-senda dan ketika itu perbualan ahli keluarga menerusi aplikasi *WhatsApp* menjadi sangat meriah.

"Ada masanya, kami akan buat majlis jamuan makan bersama-sama ahli keluarga dan apa yang lebih istimewa adalah abang (Muhammad Hawari) sendiri akan memasak juadah tersebut dan menghidangkan kepada kami.

"Kebetulan, hari lahir anak sulung abang, Hana Sakeena jatuh pada bulan yang sama dengan ayahnya, jadi kami akan meraikan kedua-dua mereka serentak.

"Sejak abang tidak ada, memang kami berasa sangat sedih tetapi kami tetap memujuk hati sendiri kerana apa pun yang berlaku kepada abang, kehidupan tetap perlu diteruskan dan saya percaya hanya masa yang akan dapat mengubati kerinduan kami semua.

"Ketika ini, hanya doa yang mampu kami panjatkan supaya abang mendapatkan ketenangan walau di mana atau bagaimanapun keadaan dia ketika ini," ujarnya sebak.

Ketika ditanya mengenai status pencarian Muhammad Hawari, Nur Atiqah menyatakan bahawa berdasarkan perancangan Kelab Eksplorasi Altitud yang merupakan penganjur bagi program Misi Everest 2023(ME2023), ia akan disambung semula pada April ini.



**RAKAMAN gambar kenangan Che Tom Hassan (bertudung merah) bersama-sama Muhammad Hawari Hasim (kiri sekali) pada salah satu percutian bersama sebelum ini.**

"Namun begitu, buat masa sekarang, kami belum menerima apa-apa perkembangan daripada pihak kelab dan kami sebagai ahli keluarga sudah pasti sangat berharap agar pencarian abang akan diteruskan sebagaimana yang dirancang.

"Malah, kami juga masih mengharapkan agar kami masih diberikan rezeki untuk berjumpa semula dengan abang tidak kiralah macam mana keadaanya sekalipun kerana yang penting kami mahu melihat jasad abang," katanya mengakhiri bicara.

Sementara itu, bercerita mengenai peribadi Muhammad Hawari, Cik Tom memberitahu bahawa anaknya itu merupakan seorang yang gemar memasak.

"Dia memang rajin memasak terutamanya pada lahir lahirnya atau hari-hari istimewa lain dan makanan yang dimasak itu akan dihantar ke rumah adik-beradik dan saudara-mara yang lain.

"Muhammad Hawari ni dia sangat sukakan buah tembikai sama seperti makcik juga… oleh itu, setiap kali makcik melihat buah tembikai, pasti ingatan makcik kepadanya bertambah kuat," ujarnya sambil berharap agar jasad anaknya itu dapat ditemukan.

# Cungkil bakat pemain bola sepak tempatan, CSR seiringan



D. Haydriaan.

**B**ERMULA sebagai hobi bermain bola pada setiap petang bersama-sama rakan, kini *Gelugor Football Club* (GFC) menjadi sebuah kelab lokal untuk anak tempatan menonjolkan bakat masing-masing.

Presiden GFC, **D. HAYDRIAAN**, 38, dalam wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** pada 15 Januari lalu memberitahu bahawa kelab tersebut ditubuhkan sekitar tahun 2003 serta melibatkan beberapa individu sahaja.

"Sewaktu awal penubuhan GFC, pasukan ini hanya terdiri daripada sekumpulan rakan-rakan yang gemar bermain bola sepak pada setiap petang sebagai aktiviti riadah.

"Idea penubuhan juga tercetus kerana ahli pasukan mempunyai minat mendalam dalam sukan bola sepak," jelasnya sambil menjelaskan serba sedikit mengenai tujuan penubuhan kelab tersebut.

Di samping itu, beliau berpendapat bahawa GFC memainkan peranan penting dalam memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti setempat khususnya muda-mudi.

"Jika dilihat pada masa kini, budaya bermain bola sepak pada setiap petang sudah terkubur dek golongan kanak-kanak dan remaja yang lebih gemar bermain gajet pintar.

"Lazimnya, penglibatan kanak-kanak atau belia khasnya secara tidak langsung dapat mencegah mereka daripada terdedah dengan gejala yang tidak sihat... seperti pengaruh rakan sebaya di samping mengasah bakat-bakat muda," ujarnya.

Selain itu, Haydriaan menyatakan bahawa GFC bukan sahaja memberi fokus kepada pemain handalan bagi memperbaiki kedudukan kelab, malah turut memberi peluang kepada mereka yang mahu belajar bermain bola sepak.

"GFC tidak pernah meletakkan sasaran tinggi dalam mengumpul jumlah pemain, sudah tentu saya lebih mementingkan kualiti bermain berbanding kuantiti.

"Tidak semua ahli pasukan handal bermain, saya dan ahli yang lain akan mengasah kemahiran pemain dengan mengadakan latihan dan seterusnya menyertai beberapa kejohanan.

"Bagi pemain yang sudah handal, saya akan asingkan untuk menyertai pelbagai kejohanan serta liga tertinggi, dan seterusnya melebarkan sayap mereka ke peringkat kebangsaan.



PASUKAN GFC.

"Oleh itu, GFC terus menyediakan platform dan peluang kepada pemain yang tidak terpilih supaya mereka tidak berputus asa dan terus mengasah kemahiran dalam bermain bola sepak," ulasnya sambil menyifatkan aktiviti berkaitan berupaya menyatupadukan semua pemain dari setiap generasi.

Menjadi ejen insurans sejak 14 tahun lalu, Haydriaan turut berkongsi banyak kejayaan serta kenangan manis sepanjang bersama-sama GFC.

"GFC telah menyertai lebih 20 kejohanan... menganjurkan karnival bola sepak tahunan (yang) digelar Piala GFC serta menerima sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peserta dan pelbagai kelab bola sepak.

"Tidak terhenti sekadar mengadakan karnival, GFC turut terlibat dalam melaksanakan program CSR (tanggungjawab sosial korporat) serta aktif dalam aktiviti berasaskan komuniti.

"Selain melatih pemain pasukan, GFC juga komited untuk membuat perubahan dalam kehidupan keluarga yang lebih memerlukan.

"Antaranya, GFC turut memberi sumbangan dalam meringankan beban pelajar memerlukan bantuan pendidikan serta barangan keperluan asas terhadap keluarga yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah (B40) melalui dana yang dikumpul sendiri.

"Di antara bola sepak atau program CSR, saya ingin GFC bergerak seiring.

"Dengan kedua-dua komitmen ini, saya yakin dapat membuat beberapa perubahan dalam kehidupan komuniti yang memerlukan, usaha ini dijamin berbaloi," katanya menutup bicara.




# Taman Eko Bukit Mertajam



**DERETAN lima buah chalet di kaki bukit Taman Eko Rimba Bukit Mertajam yang wajar diselenggara untuk memberi nilai guna baharu kepada pengunjung kelak.**

**TAMAN** Eko Rimba Bukit Mertajam dekat Cheruk To'Kun yang ditutup kira-kira lebih dua tahun untuk kerja-kerja mitigasi cerun dan laluan pacuan empat roda sebelum ini, dibuka semula kepada orang awam untuk aktiviti riadah mulai 1 Februari 2024.

Kawasan berkeluasan 37 hektar dengan puncak tertinggi 545 meter (m) dari aras laut ini adalah antara lokasi rekreasi tanah tinggi terkenal di Pulau Pinang.

Di sini, antara tumbuhan asal yang mencuri perhatian pengunjung yang menelusuri denai sambil mandi rimba adalah Meranti Seraya *(Shorea curtisii)* dan Meranti Rambai Daun *(Shorea acuminata)*.

Mereka berpeluang merakam gambar kenang-kenangan dekat 'pokok gergasi' yang menjadi antara mercu tanda tarikan pengunjung ke sini.

Di samping itu, pengunjung juga boleh mencabar diri dengan mendaki sampai ke puncak bukit yang mana terdapat tiang pencawang telekomunikasi di sana.

Jarak pendakian dari kaki bukit, kalau menelusuri trek konkrit untuk kenderaan pacuan empat roda sedia ada, kira-kira 3.5 kilometer (km).

Untuk sampai ke 'stesen 3' di sini, masa perjalanan bagi pendaki bertaraf sederhana kebiasaannya mengambil masa melebihi 1 jam.

Pada 20 Januari 2024, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** bersama-sama jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berkesempatan membuat tinjauan lapangan ke Taman Eko Rimba Bukit Mertajam, sebelum ia dibuka kepada orang awam.

Kehadiran skuad Buletin Mutiara disambut mesra oleh Pegawai Hutan Daerah Seberang Perai Utara/Tengah, **AZMAN SAAD**, 55.

Di pejabatnya, Azman memberitahu bahawa sejak lebih dua tahun lepas, Taman Eko Rimba Bukit Mertajam memang ditutup sepenuhnya untuk Jabatan Kerja Raya (JKR) melaksanakan kerja-kerja mitigasi kawasan bercerun di samping menaik taraf laluan konkrit untuk trak pacuan empat roda pihak berkenaan ke kawasan menara pencawang telekomunikasi di puncak bukit tersebut.

"Pada tahun 2017, dalam bencana banjir yang melanda negeri (Pulau Pinang) ini, ada beberapa titik *(spot)* kawasan bercerun runtuh serta boleh membahayakan pengunjung terutama para pendaki bukit di sini.

"Sejak lebih dua tahun lepas, seluruh kawasan Taman Eko Rimba Bukit Mertajam ini ditutup sepenuhnya dari sebarang aktiviti riadah, untuk JKR melaksanakan kerja-kerja mitigasi berwajib.

"Sejumlah RM8 juta juga telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pemuliharaan berkaitan, sungguhpun anggaran peruntukan asal sebanyak RM11 juta...jadi, sebanyak RM3 juta juga dapat dijimatkan.

"Dalam majlis berkaitan pada 18 Januari 2024, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang (Muhammad Ezhar Yusof @ Antik) mewakili Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam telah menerima serahan Taman Eko Rimba Bukit Mertajam daripada Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR) Seberang Perai Tengah, (Suhaili Mat Saad) sambil disaksikan oleh Pengarah Kerja Raya Negeri Pulau Pinang, (Ir. Ahmad Nadzri Abdul Majid).

Azman memberitahu bahawa dari bandar Bukit Mertajam dekat Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), jarak perjalanan ke Taman Eko Rimba Bukit Mertajam tidaklah jauh, 6km sahaja.

"Mengambil kira parkir yang begitu terhad, paling mudah adalah menempah perkhidmatan pengangkutan awam melalui aplikasi elektronik *(e-hailing)*.

"Bagi mereka yang menggunakan kenderaan persendirian melalui Lebuhraya Utara - Selatan (PLUS) pula, perlu keluar Tol Juru, menuju ke Bandar Bukit Mertajam, kemudiannya menggunakan jalan menuju ke Kulim, (Kedah)," ujarnya sambil memberitahu bahawa lokasi Taman Eko Rimba Bukit Mertajam di antara sempadan negeri Pulau Pinang dan Kedah menjadi satu lagi tarikan pengunjung ke sini.



**ANTARA projek penambahbaikan kawasan cerun yang telah dilaksanakan di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam.**

## Asal usul

Nama Taman Eko Rimba Bukit Mertajam ini sebenarnya diambil sempena nama satu jenis pokok Mertajam, Kelat Layu '*Lepisanthes rubiginosa*'.

Tumbuhan semula jadi ini adalah dalam kelompok '*Sapindaceae*'.

Boleh mencapai ketinggian 10m, pokok Mertajam secara semula jadi boleh ditemukan di kawasan berimba sekitar Asia Tropika, juga dekat utara Australia.

Tidak kisah dipanggil Renjer Hutan, Azman memberitahu bahawa unggas di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam sangat gemar pada buah pokok Mertajam.

"Buah pokok Mertajam juga sebenarnya mempunyai nilai perubatan tradisional, kalau ditanya kepada ahli herba yang berkenaan.

"Selain itu, pokok Mertajam ini juga digunakan sebagai tanaman hutan bandar iaitu sebagai pokok teduh dengan tujuan untuk meningkatkan tahap kehijauan kawasan bandar serta meningkatkan populasi spesies burung yang pelbagai.

"Selain menikmati kicauan burung, bau rimba yang menyegarkan serta monyet, untuk mereka yang menelusuri rimba di sini mungkin boleh menemukan Lotong Cangkong atau nama saintifiknya '*Presbytis obscura*'.

"Lotong Cangkong ini sebenarnya adalah sejenis monyet berbulu hitam, kalau ditanya penginap chalet yang pernah nampak habitat ini di sini, mereka akan kata, seolah-olah ia memakai cermin mata putih," jelasnya.

## Kemudahan dan daya tarikan awam

Seusai sesi wawancara tersebut, skuad Buletin Mutiara bukan sahaja dibawa melihat projek mitigasi kawasan bercerun dan trek konkrit pacuan empat roda yang telah berjaya disiapkan oleh JKR baru-baru ini.

Malah, Pengawas Hutan atau Pembantu Awam Hutan, **MOHAMAD ZAHIR ABDUL HAMID**, 31, turut menemani skuad Buletin Mutiara meninjau kawasan serta kemudahan menarik yang terdapat di sini.

Mohamad Zahir yang juga Pembantu Awam Hutan memberitahu bahawa anak



**AZMAN Saad.**



GERBANG utama masuk ke Taman Eko Rimba Bukit Mertajam di Cheruk To'Kun.

# Rimba kembali dibuka

sungai, kolam mandi kanak-kanak, tempat perkelahan dan pelantar pemandangan merupakan antara kemudahan yang terdapat di sini.

"Ada beberapa kemudahan sedia ada di sini turut dinaik taraf supaya lebih mesra OKU (orang kurang upaya)... antaranya laluan tertentu di kaki bukit di sini," ujarnya.

Skuad Buletin Mutiara turut dibawa melawat kawasan penginapan, terdapat lima buah chalet yang ketika ini masih dalam proses penyelenggaraan lagi.

"Dahulu, kadar sewa semalaman chalet di sini hanya RM55...mungkin selepas diselenggara kelak, akan dibuka untuk pengunjung.

"Di kaki bukit (Taman Eko Rimba Bukit Mertajam) ini juga sebenarnya ada tapak perkhemahan, bagi satu-satu masa boleh menempatkan 100 peserta... ada kemudahan surau, adalah sangat sesuai untuk aktiviti persatuan pelajar sekolah dan mahasiswa universiti," tambahnya.

Selepas itu skuad Buletin Mutiara dibawa melawat ke Kafe Rimba yang menyajikan teh Cina serta makanan ringan buat pengunjung.

"OKU turut boleh menggunakan laluan khas untuk mengunjungi Kafe Rimba dan kantin di bawah teduhan pokok semula jadi.

"Bagi pendaki pula, mereka ada dua opsyen, sama ada mendaki selesa melalui laluan pacuan empat roda ataupun denai hutan...untuk menawan puncak Bukit Mertajam setinggi 545m dari paras laut serta akan mengambil masa kira-kira 90 minit.

"Untuk OKU pula, turut disediakan laluan khas sejauh 300m supaya mereka juga boleh merasai pengalaman mandi rimba di sini," ceritanya lagi.


**MOHAMAD Zahir Abdul Hamid.**

## 'Tempat cabar kemampuan diri'

Difahamkan, terdapat tiga stesen perlu ditempuhi oleh para pendaki sebelum sampai ke pagar menara pencawang telekomunikasi di puncak Bukit Mertajam.

Stesen 1 berada pada kilometer ke 0.9 dari kaki bukit yang mana pendakian terpaksa menemuhi kawasan lereng bercerun *(slope)* antara 25 peratus hingga 30 peratus.

Sementara Stesen 2 pula berjarak 2.2km dari kaki bukit dengan kawasan bercerun 20 peratus.

Mereka yang berjaya melepasi kedua-dua stesen ini boleh dikatakan berada pada Tahap 1 atau tahap sederhana, sesuai dengan semua peringkat umur.

Berjarak 3.2km dari kaki bukit dengan lereng bercerun antara 15 peratus hingga 20 peratus, adalah Stesen 3.

Sebelum sampai ke Stesen 3 ini, jangan lupa singgah di anjung pemandangan bagi melihat Empangan Mengkuang yang begitu indah di sini.

Pendaki yang pernah sampai ke anjung pemandangan di sini boleh dikatakan berada pada Tahap 2 atau tahap mencabar kerana laluan ke sini agak sukar serta sangat memerlukan kecergasan tubuh serta kecekalan pemikiran.

Untuk menawan puncak Bukit Mertajam iaitu dekat kawasan berpagar Stesen Pencawang Telekomunikasi pada ketinggian 545m dari aras laut, sekalian pengunjung perlu melengkapkan pendakian sejauh 3.5km dengan cabaran lereng bercerun antara 15 peratus hingga 20 peratus di Stesen Atas.

Sebelum sampai ke Stesen Atas di sini, jangan lupa singgah di satu lagi anjung pemandangan bagi menikmati pemandangan luas Empangan Mengkuang.

Mereka yang berjaya menjejakkan kaki di anjung pemandangan di sini boleh dikatakan telah melepasi Tahap 3 atau tahap mencabar kerana akan melalui denai serta meniti kawasan bercuram yang mana ia sesuai untuk pendaki mantap sahaja.

